

## Panggilan penyerahan tentang Malaysia sebelum lawatan negara

Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kemiskinan ekstrem dan hak asasi manusia, Philip Alston, akan mengadakan sebuah lawatan negara rasmi dari 12 hingga 22 Ogos 2019 atas jemputan kerajaan. Lawatannya akan bertumpu kepada hubungan antara kemiskinan dengan kesedaran hak asasi manusia di Malaysia.

Pelapor Khas merupakan seorang pakar bebas yang dilantik oleh Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Pakar-pakar bebas PBB sering mengadakan lawatan negara untuk melapor tentang isu hak asasi manusia. Sesebuah lawatan negara biasanya mengambil masa dua minggu dan antaranya melibatkan mesyuarat antara Pelapor Khas dan individu-individu yang terjejas akibat kemiskinan, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli badan perundangan dan penghakiman, institusi-institusi negeri, organisasi-organisasi masyarakat civil, serta ahli-ahli akademik. Pada akhir lawatan negara tersebut, Pelapor Khas akan mengeluarkan sebuah kenyataan tentang penemuan awalnya. Seterusnya beliau akan menghantar sebuah laporan akhir kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva.

Pelapor Khas tersebut, Philip Alston, adalah seorang Profesor Undang-Undang di Universiti New York yang bekerja dalam bidang undang-undang antarabangsa dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Beliau mempunyai pengalaman yang luas sebagai seorang pakar hak asasi manusia bebas PBB. Sejak tahun 2014 apabila beliau dilantik sebagai seorang Pelapor Khas mengenai kemiskinan ekstrem dan hak asasi manusia, beliau telah mengadakan lawatan negara ke Chile, China, Ghana, Republik Demokratik Rakyat Lao, Mauritania, Romania, Arab Saudi, Kerajaan Bersatu Britain Raya dan Ireland Utara, dan Amerika Syarikat.

### Panggilan penyerahan

Pelapor Khas menjemput semua individu dan organisasi yang berminat, termasuk organisasi masyarakat civil serta ahli-ahli aktivis dan akademik, untuk menyumbang input tentang keadaan di Malaysia agar dapat membantu persiapannya untuk lawatan ini.

Para responden diminta untuk menghadkan komen-komen mereka kepada maksimum **1,500** patah perkataan. Sebarang dokumen tambahan, seperti laporan, kajian akademik, dan dokumen latar belakang yang lain boleh dilampirkan bersama penyerahan tersebut.

Walaupun semua penyerahan diterima dan soalan-soalan di bawah bukan bersifat menyeluruh, Pelapor Khas amat menghargai komen-komen yang menyentuh topik-topik seperti:

- Keadaan kemiskinan dan ketidaksamaan di Malaysia, termasuk bagaimana kemiskinan ditafsirkan atau sepatutnya ditafsirkan dan diukur, serta kelaziman dan taburan kemiskinan di negara ini.
- Cabaran-cabaran dan masalah-masalah besar berhubung hak asasi manusia yang dihadapi oleh golongan yang hidup dalam kemiskinan.

- Golongan yang paling terjejas oleh kemiskinan, termasuk wanita, kanak-kanak, minoriti, bukan warganegara, serta golongan yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar.
- Impak kemiskinan terhadap hak sivil dan politik, termasuk hak ekonomik, sosial, dan budaya misalnya hak untuk kesihatan, perumahan, makanan, pendidikan dan keselamatan sosial.
- Impak isu-isu persekitaran dan perubahan iklim terhadap golongan yang tinggal dalam kemiskinan.
- Peranan projek-projek infrastruktur dan pembangunan; institusi-institusi kewangan antarabangsa; pengurusan kewangan awam; dan korporasi-korporasi multinasional atau domestik berhubung dengan hal kemiskinan.
- Kawasan, wilayah, daerah, atau bandar di Malaysia yang patut dilawati oleh Pelapor Khas kerana kaitan tempat-tempat ini dengan hal kemiskinan dan hak asasi manusia.
- Individu dan organisasi yang patut ditemu oleh Pelapor Khas semasa lawatan negaranya.

Penyerahan boleh dihantar kepada [srextremepoverty@ohchr.org](mailto:srextremepoverty@ohchr.org) pada **14 Jun 2019**. Sila hantarkan penyerahan anda sebagai sebuah lampiran dalam emel tersebut.

Dalam penyerahan anda, sila nyatakan sama ada kami boleh menerbitkan semua atau sebahagian daripadanya di atas laman web Pelapor Khas. **Kami tidak akan menerbitkan sebarang penyerahan tanpa kebenaran eksplisit daripada individu dan/atau organisasi yang menghantar penyerahan tersebut** dan isu-isu yang dibangkitkan tidak akan dikaitkan dengan mana-mana individu atau organisasi yang spesifik.

Pelapor Khas akan menerima penyerahan melalui emel tersulit di bassam.khawaja@nyu.edu dengan [kunci awam ini](#). Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan berkaitan keselamatan digital, anda boleh menghubungi sebuah organisasi yang sedang menangani isu-isu ini. Organisasi [Access Now](#) mempunyai sebuah [talian bantuan untuk keselamatan digital](#) untuk membantu para individu dan organisasi kekal selamat di atas talian. Sebarang pertanyaan boleh dihantar kepada [help@accessnow.org](mailto:help@accessnow.org).

Lawatan Pelapor Khas ini akan membawa kepada penghasilan kenyataan akhir misi yang terperinci pada 22 Ogos dan sebuah laporan akhir kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada bulan Jun 2020.

Pelapor Khas amat menghargai usaha yang terlibat dalam memberi sumbangan tersebut dan berharap untuk membaca penyerahan anda.

#### [Pertanyaan media](#)

Pengemaskinian tetap tentang lawatan ke Malaysia tersebut akan dipaparkan di atas laman web Pelapor Khas serta melalui halamannya di [Twitter](#) dan [Facebook](#). Sebuah siaran akhbar dengan maklumat tambahan tentang lawatan tersebut akan dikeluarkan pada bulan Ogos 2019.

Pada 22 Ogos, Pelapor Khas akan mengadakan sebuah sidang akhbar di Kuala Lumpur di mana beliau akan mengeluarkan sebuah kenyataan berserta penemuan awalnya. Sebelum dan semasa lawatan tersebut, penglibatan Pelapor Khas dengan pihak media akan terhad pada membicarakan skop lawatan tersebut, kawasan-kawasan yang akan dilawati, dan aspek-aspek logistik yang lain. Pelapor Khas hanya akan dapat memberi komen tentang penemuan dan kesimpulannya semasa dan selepas sidang akhbar diadakan.

Sebarang pertanyaan media, termasuk permohonan untuk menyertai senarai akhbar Pelapor Khas, boleh diajukan kepada Eleanor Robb ([erobb@ohchr.org](mailto:erobb@ohchr.org)) and Rebecca Riddell ([rebecca.riddell@nyu.edu](mailto:rebecca.riddell@nyu.edu)).

Twitter: [@Alston\\_UNSR](#)

Facebook: [www.facebook.com/AlstonUNSR](http://www.facebook.com/AlstonUNSR)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Eleanor Robb ([erobb@ohchr.org](mailto:erobb@ohchr.org)), atau tulis kepada [sxxtremepoverty@ohchr.org](mailto:sxxtremepoverty@ohchr.org).